



جَبَاتُ خَالِ الْوَالِدِ الْكَامِلِ سَلَامٌ لِرَسُولِ رَبِّ سَائِبِ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

SYARAT PERTANDINGAN

Perarakan, Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Kontinjen Teramai Sempena Sambutan Maulidur Rasul Saw 1441h / 2019m Peringkat Negeri Sabah

1. FORMAT PERTANDINGAN

- 1.1. Pertandingan adalah terbuka kepada masyarakat Islam di Sabah bagi mewakili Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Swasta, Syarikat Persatuan atau Pertubuhan Sukarela, Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Kampung.
- 1.2. Setiap kumpulan hanya dibenarkan mempertandingkan **satu (1) buah sepanduk sahaja**.
- 1.3. Setiap kumpulan dimestikan menyediakan dan membawa papan tanda kumpulan masing-masing yang berukuran **15cm lebar, 50cm panjang dan 1 meter tinggi**.
- 1.4. Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini hendaklah mengisi **BORANG K-MAULUD: 01/2019 – BORANG PENYERTAAN Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Teramai**.

2. KATEGORI PENYERTAAN

Pertandingan sepanduk Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Negeri Sabah ini terbahagi kepada lima (5) kategori;

2.1. **Kementerian / Jabatan Kerajaan / Swasta**

Kementerian/Jabatan Kerajaan/Swasta termasuk Jabatan Negeri dan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, badan berkanun Negeri dan Persekutuan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Perguruan, Maahad Tahfiz dan Syarikat serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

2.2. **Pertubuhan**

Pertubuhan termasuk Persatuan, Pertubuhan Sukarela dan Badan Dakwah Daerah, tidak termasuk persatuan kebajikan dan sukan yang ditubuhkan di mana-mana Jabatan atau Kementerian.

2.3. **Sekolah Menengah**

Kategori sekolah meliputi Sekolah Menengah Kerajaan atau Swasta.

2.4. **Sekolah Rendah**

Kategori sekolah meliputi Sekolah Kerajaan atau Swasta dan Tadika Kerajaan atau Swasta.

2.5. **Kampung**

Kategori kampung termasuk semua kampung, jawatankuasa masjid atau surau, rukun tetangga, taman perumahan di seluruh Negeri Sabah.

3. SYARAT SEPANDUK

- 3.1. Sepanduk hendaklah menggunakan ukuran 1 meter lebar, 4 meter panjang dan tinggi tiang sepanduk 4 meter.
- 3.2. Sepanduk hendaklah menggunakan kain dan boleh menggunakan bingkai atau tanpa bingkai. Warna dan jenis kain adalah bebas.
- 3.3. Sepanduk berlambangkan parti politik adalah tidak dibenarkan.
- 3.4. Tema sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1441H/2019M iaitu **“NEGARA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA”** hendaklah dimasukkan di dalam sepanduk dengan menggunakan tulisan jawi.
- 3.5. Sepanduk hendaklah meletakkan kalimah **“ALLAH”** di sebelah kanan dan **“MUHAMMAD”** di sebelah kirinya dan dalam tulisan jawi.

- 3.6. **Nama Kementerian, Jabatan, Pertubuhan, Sekolah, Masjid, Surau dan Kampung hendaklah dimasukkan di bawah sepanduk menggunakan tulisan rumi.**
- 3.7. Sepanduk yang tidak memenuhi syarat tidak akan diadili.
- 3.8. Johan sepanduk untuk semua kategori hendaklah diserahkan kepada pihak penganjur dan akan menjadi milik penganjur.
4. **SYARAT PENULISAN KHAT**
- 4.1. Teks khat yang digunakan hendaklah seperti di lampiran di bawah dan mengikut kategori.
- 4.2. Teks khat yang bertulis pada sepanduk hendaklah ditulis dengan tulisan tangan dan bukannya bercetak sementara terjemahannya dalam tulisan rumi;
- 4.3. Penulisan khat akan dinilai mengikut :
- 4.3.1. Ketepatan kaedah penulisan khat yang muktabar mengikut jenis khat;
- 4.3.2. Keseimbangan huruf;
- 4.3.3. Kreativiti penyusunan huruf;
- 4.3.4. Kebersihan; dan
- 4.3.5. Ragam hias seperti *zuhruf* atau ukiran sebagai bingkai dan lainnya yang bersesuaian.
- 4.4. Jenis khat Arab yang dipertandingkan adalah mengikut kategori seperti berikut;
- 4.4.1. Untuk Kategori Kementerian / Jabatan Kerajaan / Swasta..... *Khat Diwani Jali*
- 4.4.2. Untuk Kategori Pertubuhan *Khat Parsi*
- 4.4.3. Untuk Kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah..... *Khat Thuluth*
- 4.4.4. Untuk Kategori Kampung..... *Khat Kufi*
5. **SYARAT KONTINJEN**
- 5.1. Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini hendaklah disertai oleh sekurang-kurangnya **50 orang ahli** atau lebih.
- 5.2. Kumpulan yang **tidak mencukupi 50 orang ahli** adalah **tidak layak** untuk menyertai pertandingan kategori kontinjen terbaik. Walau bagaimanapun, kumpulan tersebut boleh menyertai pertandingan sepanduk tetapi dengan keahlian minimum **30 orang**.
6. **PENGHAKIMAN SEPANDUK**
- Penilaian pertandingan sepanduk berdasarkan kepada aspek berikut :
- 6.1. **Khat Arab : 40 markah**
Kaedah penulisan khat Arab (*20 markah*)
Keseimbangan huruf; kreativiti penyusunan huruf; kebersihan dan ragam hias (*20 markah*)
- 6.2. **Bentuk/Keseluruhan : 30 markah**
Bentuk hiasan yang kreatif (*10 markah*)
Keceriaan dan kebersihan (*8 markah*)
Kombinasi reka bentuk dan penulisan (6 markah)
Warna yang menarik & bersesuaian (*6 markah*)
- 6.3. **Khat Rumi : 20 markah**
Kaedah penulisan khat rumi (*10 markah*)
Ketepatan ejaan & kesesuaian penggunaan tulisan (*10 markah*)
- 6.4. **Kesesuaian : 10 markah**
Kesesuaian tulisan arab dan rumi (*5 markah*)
Keseimbangan & Kesesuaian saiz khat Arab & Rumi (*5 markah*)
- 6.5. **Waktu Penilaian**
- Penilaian pertandingan sepanduk akan dilaksanakan bermula pukul 6.30 pagi hingga pukul 7.30 pagi.
 - Kumpulan yang lewat hadir / tiba pada masa yang ditetapkan tidak akan diadili.

7. PENGHAKIMAN KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI

Penilaian pertandingan kontinjen terbaik & teramai adalah berdasarkan kepada aspek berikut :

7.1. Keanggotaan : 30 markah

- 7.1.1. Tidak kurang dari **50 orang** setiap kontinjen. *(15 markah)*
- 7.1.2. Keanggotaan kontinjen yang teramai akan menjadi johan. Sekiranya berlaku persamaan dalam jumlah bilangan maka penghakiman akan dibuat melalui urutan penghakiman. *(15 markah)*

7.2. Kekemasan Pakaian : 25 markah

- 7.2.1. Pakaian seragam mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan/Organisasi. *(5 markah)*
- 7.2.2. Kebangsaan lengkap lelaki. (bersamping, Bersongkok dan berkasut) *(10 markah)*
- 7.2.3. Pakaian menutup aurat perempuan. (keseragaman dalam berpakaian) *(10 markah)*

7.3. Cara Berjalan dan Keluar Baris: 15 markah

- 7.3.1. Segak semasa berjalan. *(5 markah)*
- 7.3.2. Langkah berjalan yang sama serta bekerjasama dalam kontinjen. *(5 markah)*
- 7.3.3. Keluar baris bersama-sama satu kontinjen semasa di garis penamat. *(5 markah)*

7.4. Reaksi Dalam Barisan : 20 markah

- 7.4.1. Tidak berseimbang semasa berjalan. *(5 markah)*
- 7.4.2. Sentiasa berselawat. *(5 markah)*
- 7.4.3. Tidak keluar dari perbarisan sewaktu perarakan. *(4 markah)*
- 7.4.4. Tidak mengganggu kontinjen lain. *(3 markah)*
- 7.4.5. Tidak makan dan minum semasa perarakan. *(3 markah)*

7.5. Tertib & Selawat : 10 markah

- 7.5.1. Bersemangat semasa berselawat. *(4 markah)*
- 7.5.2. Mempunyai alat bantuan semasa berselawat. (kompang dan pembesar suara) *(3 markah)*
- 7.5.3. Konsisten dalam berselawat dari awal hingga akhir. *(3 markah)*

8. HADIAH

Hadiah bagi Pertandingan Sepanduk, Kontinjen terbaik & Teramai bagi setiap kategori adalah seperti berikut;

8.1. Sepanduk Bagi Setiap Kategori

- 8.1.1. Johan : Hadiah Wang Tunai RM4,000.00 (Empat Ribu Ringgit Malaysia), Trofi dan Sijil
- 8.1.2. Naib Johan : Hadiah Wang Tunai RM3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit Malaysia), Trofi dan Sijil
- 8.1.3. Ketiga : Hadiah Wang Tunai RM2,000.00 (Dua Ribu Lima Ratus Ringgit Malaysia), Trofi dan Sijil
- 8.1.4. Saguhati : Hadiah Wang Tunai RM1,000.00 (Seribu Ringgit Malaysia) dan Sijil

8.2. Kontinjen Terbaik Bagi Setiap kategori

Hadiah Wang Tunai RM500.00 (Lima Ratus Ringgit Malaysia), Trofi dan Sijil

8.3. Kontinjen Teramai Bagi Setiap kategori

Hadiah Wang Tunai RM500.00 (Lima Ratus Ringgit Malaysia), Trofi dan Sijil

8.4. Kontinjen Teramai Keseluruhan (Satu Pemenang sahaja)

Hadiah Wang Tunai RM2,000.00 (Dua Ribu Ringgit Malaysia), Trofi dan Sijil

9. TARIKH, MASA & TEMPAT PERTANDINGAN & PERARAKAN

Tarikh : 9hb November 2019
Masa : 7.00 pagi
Tempat Bermula : Harbour City, Kota Kinabalu
Tempat Berakhir : Masjid Negeri Sabah

10. TAKLIMAT PERARAKAN & PERTANDINGAN SERTA PENENTUAN NO. GILIRAN

Tarikh : 8hb November 2019
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Perkarangan Masjid Negeri Sabah
Kehadiran : *Hendaklah dihadiri oleh ketua @ wakil kumpulan*

11. RAPTAI PENUH PENYAMPAIAN HADIAH

Tarikh : 8hb November 2019
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Perkarangan Masjid Negeri Sabah
Kehadiran : *Hendaklah dihadiri oleh ketua @ wakil kumpulan*

12. PENYAMPAIAN HADIAH

Keputusan dan penyampaian hadiah pertandingan sepanduk dan kontinjen terbaik / teramai akan diumumkan dan disampaikan pada **9hb November 2019** di Majlis Perhimpunan Maulidur Rasul S.A.W. 1441H bertempat di bertempat di Perkarangan Masjid Negeri Sabah.

13. ALAMAT & TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada **Urusetia Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Teramai Sambutan Maulidur Rasul S.A.W** sebelum atau pada **5hb November 2019** ke alamat berikut:

**Bahagian Pentadbiran Agama Wilayah & Daerah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 10, Blok A, Wisma MUIS
KOTA KINABALU.
(No. Tel: 088-522149 / 088-522147 / 088-522131, No. Fax : 088-233572**



جَبَاتِن خَالِ الْخَوَالِكِ الْمَسْلُومِيْنَ سَابِرًا
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN SEPANDUK, KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI**

Nama Kumpulan.....
Alamat.....
Nama Ketua Kumpulan.....
No. Kad Pengenalan.....
No. Telefon Pejabat..... No. H/P.....
Bilangan Peserta/Ahli.....
Nama Penulis Khat.....
No. Kad Pengenalan.....

KATEGORI PENYERTAAN Sila tandakan kategori penyertaan yang dipilih :

- Kementerian/Jabatan/Swasta
- Pertubuhan
- Sekolah Menengah
- Sekolah Rendah
- Kampung

PENGAKUAN

Saya bagi pihak.....mengesahkan bahawa kami akan menyertai **Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Kontinjen Teramai** sempena *Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Negeri Sabah 1441H/2019M* dan telah memahami syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

TANDATANGAN KETUA KUMPULAN

Nama.....
No. Kad Pengenalan..... Tarikh.....

TEKS DARI KITAB BARZANJI UNTUK PERTANDINGAN SEPANDUK

*Sila pilih salah satu daripada 3 ayat pilihan yang disediakan.

☑ Kategori Kementerian/Jabatan Kerajaan/Swasta/Institut Pengajian Tinggi

1	<p>حَفِظَ إِلَّا لَهُ كَرَامَةٌ لِمُحَمَّدٍ أَبَاءَهُ الْأَمْجَادَ صَوْنًا لِاسْمِهِ ❁ تَرَكُوا السِّفَاحَ فَلَمْ يُصِيبْهُمْ عَارُهُ مِنْ آدَمِ وَإِلَى أَبِيهِ وَأُمِّهِ</p>
	<p>Telah dipelihara oleh Ilahi kemuliaan Nabi Muhammad, dimuliakan keturunannya adalah suatu kehormatan atas namanya # Mereka tidak suka mencampuri perang saudara sehingga mereka tidak terbawa-bawa oleh petakanya, semenjak Nabi Adam sehinggalah kepada kedua-dua ibu bapanya</p>
2	<p>فَاعْظُمُ بِهِ مِنْ عَقْدٍ تَأَلَّقَتْ كَوَاكِبُهُ الدَّرِيَّةُ ❁ وَكَيْفَ لَا وَالسَّيِّدُ الْأَكْرَمُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَسِطَّتْهُ الْمُنتَقَاهُ</p>
3	<p>الْمُنْتَقِلِ فِي الْغُرْرِ الْكَرِيمَةِ وَالْجِبَاهِ ❁ وَأَسْتَمْنِحُ اللَّهُ تَعَالَى رِضْوَانًا يَخُصُّ الْعِثْرَةَ الطَّاهِرَةَ النَّبَوِيَّةَ</p>
	<p>Nur yang berpindah-pindah dari wajah ke wajah datuk neneknya yang mulia dan ke dahinya # Dan ku mohon keredhaan dari Allah Taala khusus untuk keluarga Nabi yang suci</p>

☑ Kategori Pertubuhan

1	<p>وَمُحِيَّا كَالشَّمْسِ مِنْكَ مُضِيئُ اسْفَرْت عَنْهُ لَيْلَةٌ غَرَاءٌ ❁ لَيْلَةٌ الْمَوْلِدِ الَّذِي كَانَ لِلدِّينِ سُورُورٌ بِيَوْمِهِ وَازْدِهَاءٌ</p> <p><i>Memancarlah cahaya bagi mentari dari keningnya, memancar dari wajahnya purnama pada malam yang permai # Malam kelahiran yang membawa kebahagiaan kepada manusia yang beragama pada hari bertuah itu</i></p>
2	<p>وَبَرَزَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاضِعاً يَدَيْهِ عَلَى الْأَرْضِ رَافِعاً رَأْسَهُ إِلَى السَّمَاءِ الْعَلِيَّةِ</p> <p><i>Dan lahirlah Nabi Muhammad s.a.w dalam keadaan tangan baginda bertelekan ke bumi dan kepala baginda tertengadah ke langit yang tinggi</i></p>
3	<p>مُؤْمِيًّا بِذَلِكَ الرَّفْعِ إِلَى سُودْدِهِ وَعُلاَهُ ❁ وَمُشِيرًا إِلَى رِفْعَةِ قَدْرِهِ عَلَى سَائِرِ الْبَرِيَّةِ</p> <p><i>Ini adalah sebagai tanda atas kebesaran dan keagungan jiwanya # Dan menunjukkan atas keagungan peribadinya daripada sekalian manusia</i></p>

☑ Kategori Sekolah (Rendah & Menengah)

1	<p>صَلَاةُ اللَّهِ سَلَامٌ عَلَى اللَّهِ عَلَى طَهَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ صَلَاةُ اللَّهِ سَلَامٌ عَلَى اللَّهِ عَلَى يَسٍ حَبِيبِ اللَّهِ</p>
	<p><i>Rahmat dan keselamatan Allah, semoga tetap untuk Nabi utusan Allah # Rahmat dan keselamatan Allah, semoga tetap ke atas Yasin kekasih Allah</i></p>
2	<p>تَوَسَّلْنَا بِبِسْمِ اللَّهِ وَبِالْهَادِي رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَكُلِّ مُجَاهِدٍ لِلَّهِ بِأَهْلِ الْبَدْرِ يَا اللَّهُ</p>
	<p><i>Kami berwasilah dengan berkah basmalah, dan dengan Nabi yang menunaikan lagi utusan Allah # Dan seluruh orang yang berjuang kerana Allah, kerana berkahnya ahli badar ya Allah</i></p>
3	<p>إِلَهِي سَلِّمِ الْأُمَّةَ مِنْ آفَاتٍ وَالنِّقْمَةَ ﷻ وَمَنْ هَمَّ وَمَنْ غُمَّ بِأَهْلِ الْبَدْرِ يَا اللَّهُ</p>
	<p><i>Ya Allah, semoga Engkau menyelamatkan ummat, dari bencana dan siksa # Dan daripada susah dan kesulitan, karena berkahnya ahli badar ya Allah</i></p>

☑ Kategori Kampung

1	<p>طَلَعَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا مِنْ ثَنِيَّةِ الْوَدَاعِ * وَجَبَ الشُّكْرُ عَلَيْنَا مَا دَعَا لِلَّهِ دَاعِي</p>
	<p><i>Wahai bulan purnama yang terbit ke atas kita dari lembah Al-Wada' # Dan wajiblah kita mengucapkan kesyukuran di mana seruan adalah kepada Allah</i></p>
2	<p>أَيُّهَا الْمَبْعُوثُ فِينَا جِئْتَ بِالْأَمْرِ الْمَطَاعِ * أَنْتَ غَوْثُنَا جَمِيعاً يَا مُجْمَلَ الطِّبَاعِ</p>
	<p><i>Wahai yang diutus kepada kami, engkau datang dengan perintah yang dita'ati # Engkau adalah penolong kami (pemberi syafaat) Wahai Nabi yang mempunyai pekerti yang terpuji</i></p>
3	<p>كُنْ شَفِيعاً يَا حَبِيبِي يَوْمَ حَشْرِ وَاجْتِمَاعِ * رَبَّنَا صَلِّ عَلَيَّ مَنْ حَلَّ فِي خَيْرِ الْبِقَاعِ</p>
	<p><i>Jadilah engkau sebagai pemberi syafa'at duhai kekasihku, pada hari berhimpun dan berkumpulnya (seluruh makhluk) # Wahai Tuhan pemelihara kami, limpahkanlah selawat keatas dia yang tinggal di tanah lapang</i></p>